

HASIS ENTERPRISE  
(PENTERNAKAN UDANG GALAH)

IJAM  
HASSAN  
SYAFFIK  
AH SENG  
SHAH

PENTERNAKAN UDANG GALAH  
MEI-OCTOBER 1998



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN MELAKA**  
**MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh:

18hb. Jun 1998

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Surat Tuan:

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Telefax: 06-563963

06-5591067

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Hassan Abd Rahman Tan	96711046
2.	Mohd Izam b. Baharom	96797220
3.	Md. Syaffik b. Mohd Hosnan	96852477
4.	Mohd Izam b. Mohd Said	96798943
5.	Shah Rithzan b. Ismail	96735923

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH  
Ketua Kursus DIA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

**HASIS ENTERPRISE**

**HASIS ENTERPRISE**  
DIPLOMA PERAKAUNAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA  
78000 ALOR GAJAH  
MELAKA

1 OKTOBER 1998

PUAN NORASHIKIN BINTI ALIAS  
PENSYARAH ETR 300  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA  
78000 ALOR GAJAH  
MELAKA

PUAN  
**PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN HASIS ENTERPRISE**

Merujuk kepada perkara diatas, kami dari kumpulan **HASIS ENTERPRISE** yang menjalankan Projek Penternakan Udang Galah telah berjaya menyiapkan Rancangan Perniagaan (RP) sepermata yang diarahkan oleh pihak puan.

Oleh itu kami berharap agar RP ini dapat memberi faedah dan manfaat kepada pihak yang ingin membuat rujukan dan mendapatkan maklumat.

Kami juga memohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap serta terkasar bahasa selama kami berada dibawah bimbingan pihak puan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana pihak puan sudi memberi tunjuk ajar dan nasihat sehingga terhasilnya RP ini.

Dengan ini kami menyerahkan RP ini bagi penilaian dan komen daripada pihak puan.

Sekian, Terima Kasih

**Yang Benar,**

.....  
**( MOHD IZAM BIN BAHAROM )**  
Pengurus Besar/Pentadbiran  
96797220

.....  
**( HASSAN BIN ABD. RAHMAN TAN )**  
Pengurus Kewangan  
96711046

.....  
**( MD. SYAFFIK BIN MOHD HOSNAN )**  
Pengurus Pemasaran  
96852477

.....  
**( MOHD IZAM BIN MOHD SAID )**  
Pengurus Operasi 1  
96798943

.....  
**( SHAH RITHZAN BIN ISMAIL )**  
Pengurus Operasi 2  
96735923

### **1.1 PENGENALAN.**

Seperti mana yang kita tahu, kawasan sawah padi di kebanyakan tempat terutamanya di Negeri Sembilan terbiar dan tidak diusahakan. Ini mungkin disebabkan oleh penghijrahan anak-anak muda ke kawasan bandar untuk menceburkan diri dalam sektor perkilangan yang memberi pendapatan yang lebih lumayan. Oleh itu, golongan tua sudah tidak mampu untuk mengusahakannya.

Tanah sawah yang terbiar dan luas adalah satu aset yang sangat bernilai jika ia hanya dapat diusahakan secara komersial melalui sistem pengurusan yang tersusun, cekap dan sempurna. Permintaan yang tinggi terhadap barang pertanian dan kepesatan pembangunan di Negeri Sembilan dan kawasan sekitar mendorong kami menceburkan diri dalam bidang ini.

Kami telah memilih untuk menjalankan penternakan udang galah di sebahagian kecil kawasan sawah di Rembau memandangkan kepada permintaan tinggi terhadap makanan yang berasaskan protein dan harga semasa udang yang tinggi. Penawaran dan permintaan barang ini akan berterusan dan meningkat sesuai dengan kepesatan pembangunan industri, pertumbuhan bandar baru yang akan mencetuskan pertumbuhan bilangan penduduk.

Justeru itu, **HASIS ENTERPRISE** memperkenalkan satu cara dan pendekatan sempurna dan sesuai untuk memaksimakan penggunaan sawah terbiar dan memaksimakan keuntungan daripada hasil pertanian yang komersial, profesional dan bersifat industri.